

# Dr M pertahan lantikan politik dalam GLC <sup>m/d:3</sup>

**Putrajaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad mempertahankan tindakan kerajaan Pakatan Harapan (PH) membuat lantikan politik bagi jawatan penting dalam beberapa syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan meneruskan dasar melantik mereka yang banyak berjasa kepada parti dan memenangkan PH pada Pilihan Raya Umum, berkebolehan serta berkelayakan.

“Inilah masalahnya, kita tidak patut bagi mana-mana jawatan kepada orang yang bekerja keras menangkan parti, tetapi yang dapat nikmat jawatan adalah mereka yang tidak membantu parti.

“Apabila ini berlaku, maka kecewalah mereka yang bertungkus lumus membantu PH. Atas sebab itulah, kita pilih orang yang ada kaitan sedikit dengan parti sebab ada kelayakan,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden PH di sini, semalam.

Sementara itu, sidang media gamat apabila Perdana Menteri sempat bergurau dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung satu soalan dikemukakan wartawan kepada Presiden PKR itu berhubung pandangannya dalam isu lantikan politik.

“Pandangan sama (seperti Dr Mahathir),” kata Anwar sebelum Perdana Menteri mencelah:

“Awak (wartawan) nak kita berkelahi ke?”

Anwar kemudian sambil ketawa meminta Perdana Menteri bersabar sebelum Dr Mahathir menjawab: “Tension, tension”.